

Konsep Keselamatan dan Kebenaran Menurut Islam dan Pluralisme Agama: Analisis Menurut Pandangan Ismail Raji al-Faruqi

Ahmad Sabri bin Osman¹, Dr. Mohd Farid bin Mohd Sharif² dan Raihaniah binti Zakaria³

¹Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), UiTM (Perlis), 02600 Arau, Perlis.

²Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang.

³Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Kampus Perlis, 01000 Kangar, Perlis.

ahmadsabri@perlis.uitm.edu.my/
sabrihan2004@yahoo.com

Abstrak

Isu keselamatan dan kebenaran sesuatu agama merupakan antara isu utama dalam perbincangan golongan pluralisme agama. Mereka mengatakan bahawa semua agama adalah sama benar dan implikasinya ialah semua penganut agama mendapat keselamatan di hari akhirat. Sebenarnya, al-Qur'an dan al-Sunnah telah menjelaskan perkara ini semenjak 1400 tahun yang lalu. Kajian ini akan cuba membawa beberapa pandangan ulama muktabar bagi mewakili pandangan Islam. Walau bagaimanapun, al-Faruqi (1921-1986), dalam tulisannya pernah menimbulkan kekeliruan apabila menyebutkan bahawa semua agama adalah sah dan benar. Apakah beliau juga termasuk dalam golongan yang berfahaman pluralisme agama? Hasil kajian penulis menunjukkan bahawa kenyataan al-Faruqi itu sebenarnya adalah merujuk kepada agama yang asal iaitu *din al-fitrah* atau Ur-religion atau religio-naturalis (agama alamiah) yang disampaikan oleh nabi-nabi Allah S.W.T kepada sesuatu kaum. Agama alamiah ini terdiri daripada sensus *numinis* yang tak pernah menyimpang daripada jalan kebenaran. *Din al-fitrah* atau agama alamiah yang sama-sama dimiliki oleh manusia sejak lahir lagi sama ada Muslim atau bukan Muslim harus dibezakan daripada tradisi-tradisi agama yang wujud pada hari ini. Justeru, kajian ini menyimpulkan bahawa pemikiran al-Faruqi tidak mendukung pluralisme agama tetapi selari dengan kefahaman majoriti umat Islam berdasarkan mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah.

Kata kunci: Keselamatan dan kebenaran, Islam, pluralisme agama, Ismail Raji al-Faruqi.

Abstract

The issue of salvation and the truth of a religion is one of the major issues in the discussion of religious pluralism. They say that all religions are equally true, as the implication, all believers may attain salvation in the Hereafter. In fact, the Qur'an and Sunnah have explained this matter since 1400 years ago. This study will bring the view of Ismail Raji al-Faruqi represents the views of authentic scholars of Islam. Al-Faruqi (1921-1986), in his writings has caused confusion when mentioning that all religions are valid and true. Is he one of those who subscribed to the religious pluralism? The study shows that the religion which was mentioned by al-Faruqi was actually referring to the original religion of *din al-fitrah* or Ur-Religion or Religio-naturalist (natural religion) conveyed by the Prophets of Allah SWT on every person. Natural religion consists of *census numinis* who never deviated from the path of truth. *Din al-fitrah* or natural religion is equally owned by humans since birth whether to the Muslims or non-Muslims. However, this natural religion should be distinguished from the religious traditions that exist today. Therefore, this study concludes that the thought of al-Faruqi does not support the religious pluralism but in line with the majority of Muslims based on the understanding of *Ahli Sunnah wal Jamaah*.

Keywords: Salvation and truth, Islam, religious pluralism, Ismail Raji al-Faruqi.

1. Pendahuluan

Ismail Raji al-Faruqi (1921-1986) merupakan seorang tokoh pemikir Islam zaman moden yang genius. Pengetahuannya tentang Barat dan Islam begitu meluas dan bersifat *encyclopedic* disebabkan oleh kebijaksanaannya yang luar biasa, luas pengalamannya dan ditambah pula dengan kesungguhannya dalam menuntut ilmu (Muhammad Shafiq, 1994). Beliau dikagumi rakan Muslim dan non-Muslim serta digeruni lawan. Menurut Fazlur Rahman (1919-1988), rakan-rakan al-Faruqi di Fakulti Teologi, Universiti Chicago menggelarkan beliau sebagai seorang “*guerilla scholar*” manakala Fazlur Rahman sendiri menggambarkan beliau sebagai “Jamal al-Din al-Afghani” pada zamannya (Fazlur Rahman, 1986). Menurut Esposito (1940) yang merupakan bekas pelajar dan lulusan doktor falsafah yang pertama di bawah seliaan al-Faruqi dan penulis kata pengantar buku *Islam and Other Faiths*,¹ penulisan dan kajian al-Faruqi tentang Islam dan agama-agama lain khususnya Kristian memang tidak dinafikan lagi terutamanya dengan terbitnya buku *Islam and Other Faiths* dan *Christian Ethics*.² Beliau sentiasa cuba menghubungkan antara Timur dan Barat melalui konsep dialog antara agama (Esposito, 1998). Al-Faruqi merupakan seorang yang genius dan prolific dalam menghasilkan karya-karya di sepanjang kehidupan profesionalnya hampir 30 tahun. Beliau telah mengarang, menyunting atau menterjemahkan 25 buah buku, menerbitkan lebih daripada 100 artikel yang merangkumi pelbagai bidang terutamanya ilmu perbandingan agama, dialog antara agama, agama non-Muslim, tauhid, sejarah, seni, kebudayaan, politik, ekonomi dan sebagainya (Esposito, 1986). Lebih 23 buah universiti di Afrika, Eropah, Timur Tengah, Asia Selatan dan Tenggara telah melantik beliau menjadi Profesor Pelawat. Khidmat beliau juga disumbangkan sebagai penyunting kepada tujuh buah jurnal akademik antarabangsa seperti *Journal of South Asian and Middle Eastern Studies*, *Islamic Studies* dan lain-lain (Esposito, 1986). Beliau berusaha untuk menubuhkan beberapa buah program pengajian Islam, mengambil dan melatih para pelajar Islam dalam bidang profesional. Beliau juga tidak ketinggalan terlibat dalam menubuhkan dan seterusnya mempengerusikan

¹ Buku ini merupakan kompilasi pelbagai kertas kerja al-Faruqi yang telah diterbitkan dalam pelbagai jurnal dan dikumpulkan semula oleh Ataullah Siddiqui.

² Buku ini dianggap oleh Esposito sebagai *masterpiece* al-Faruqi yang dihasilkan selama dua tahun semasa beliau berada di Institut Pengajian Islam, Universiti McGill. Ia merupakan analisis kritis dan sumbangan pemikiran daripada seorang pemikir Islam terhadap agama Kristian.

Ahli Jawatankuasa Penggerak untuk Pengajian Islam di Akademi Agama Amerika yang bertahan selama beberapa tahun (Esposito, 1998).

Al-Faruqi telah meninggalkan warisan pemikiran yang sangat bernilai untuk dikaji. Setakat ini, belum banyak kajian yang mendalam dibuat tentang pemikiran beliau berbanding dengan tokoh-tokoh ulama, pemikir dan reformis Islam zaman lampau. Karya-karya beliau telah diterbitkan dalam pelbagai majalah dan jurnal (Abdul Halim, 2002). Al-Faruqi telah mengumpulkan sebahagian besar penulिसannya ke dalam dua buah bukunya bagi menjadikan ia lebih sistematik iaitu *Al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life* dan *The Cultural Atlas of Islam*. Melalui kedua-dua buku ini dapat dilihat secara jelas pemikiran Islam al-Faruqi terutamanya mengenai konsep tauhid yang terkandung di dalam kalimah *La Ilaha illa Allah*. Konsep tauhid ini merupakan teras dalam pemikiran Islam al-Faruqi (al-Faruqi, 1990).

Islam merupakan agama yang selamat dan sejahtera. Perkataan Islam berasal daripada akar kata *aslama*, *yuslimu*, *islaman* yang bererti selamat, sejahtera, damai dan sebagainya (Ibn Manzur, 1988). Ini bermakna bahawa, sesiapa yang masuk Islam, dia akan selamat. Nabi (s.a.w) bersabda dalam pelbagai riwayat: “*Aslim Taslam*” (Masuklah ke dalam agama Islam, nescaya kamu akan selamat) (Bukhari, hadis no. 2941; Muslim, 1773; al-Bayhaqi, 6/252; al-Haythami, 5/308). Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini muncul satu kelompok yang mendakwa bahawa keselamatan bukan dalam Islam sahaja bahkan keselamatan berada dalam semua agama. Tiada satu agamapun yang boleh mendakwa bahawa hanya agama mereka yang menjanjikan keselamatan. Dengan kata lain, tiada istilah “*eksklusif*”, yang ada ialah “*inklusif*” dan *pluralis*”. Bahkan mengikut golongan ini, tiada keperluan untuk beriman kepada Nabi Muhammad (s.a.w) untuk mendapat keselamatan jika berdasarkan ayat 62 surah al-Baqarah dan 69 surah al-Ma’idah. Yang perlu dilakukan hanyalah beriman kepada Allah, hari akhirat dan berbuat baik.

2. Konsep Pluralisme Agama

Pluralisme agama muncul apabila tokoh-tokoh pluralisme agama seperti John Hick (m. 2012) mempersoalkan tindakan pihak Gereja Katolik yang mensabitkan keselamatan hanya terdapat di dalam gereja manakala di luar gereja tiada keselamatan (*extra ecclesiam nulla salus*) atau “keselamatan hanya melalui Christ” (*Solus Christus*). Lalu pada tahun 1962 hingga 1965 telah berlangsung Majlis Vatikan Kedua (*Second Vatican Council*) yang menyaksikan Gereja Katolik mula bertolak ansur bukan sahaja kepada golongan Protestan tetapi juga dengan penganut-penganut agama lain dengan

mengiktiraf bahawa keselamatan dan kebenaran juga terdapat dalam agama-agama lain selain Kristian. Selari dengan pendirian baru ini, pihak Vatikan juga telah melancarkan agenda dialog antara agama bagi mengembangkan lagi sayap agama Katolik ke daerah-daerah lain di seluruh dunia. Sikap dan pendirian baru ini telah merancakkan lagi perbahasan pluralisme agama melalui karya-karya Wilfred Cantwell Smith (m. 2000), John Hick dan lain-lain (Anis Malik, 2005). Menurut Adnan (1998) yang menemubual Seyyed Hossein Nasr (1933-), seorang pendukung pluralisme agama mengatakan bahawa pluralisme agama memang merupakan kehendak dan kemahuan Tuhan. Oleh kerana itu, semua agama adalah benar dan selamat untuk diikuti:

If this was simply a mistake, how could God allow, with his infinite wisdom and justice, one of the major religions of the world within which millions of people have sought their salvation, to be misguided for two thousand years? Was this simply a mistake? That is a very important theological question to consider. So I believe that...it was divinely willed...(Adnan, 1998).

Berdasarkan pendapat Nasr di atas, jelas menunjukkan bahawa memang Tuhan tidak membuat kesilapan apabila membiarkan berjuta-juta manusia mengikuti mana-mana agama khususnya agama Kristian kerana mereka telah ditakdirkan beragama Kristian dan agama Kristian juga benar serta selamat untuk diikuti. Semua agama merupakan “jalan-jalan yang selamat dalam perjalanan menuju puncak yang sama”. Pandangan ini merupakan gambaran orang yang memiliki idea pluralisme agama yang cenderung ke arah penyamarataan semua agama.

Abd. Moqsih Ghazali (1971-), tokoh muda Islam Liberal atau Islam Progresif di Indonesia juga merupakan salah seorang pendukung pluralisme agama. Menurut beliau, satu agama tidak membatalkan agama yang lain kerana setiap agama lahir dalam konteks sejarah dan cabarannya yang tersendiri. Walaupun begitu, semua agama terutama yang berada dalam kelompok agama Ibrahim mengarah kepada tujuan yang sama iaitu kemaslahatan dunia dan akhirat. Dengan memperhalusi tujuan ini, perbezaan eksoterik (lahir) agama-agama bukan menjadi masalah dan tidak perlu dikhuatiri. Di samping mengakui prinsip-prinsip ajaran agama sebelumnya, kesamaan tujuan ini pula menyebabkan Islam mengiktiraf akidah berkaitan dengan keselamatan para penganut agama lain (Abd. Moqsih, 2009). Beliau bersandarkan ayat 44 dan 46 daripada surah al-Ma'idah sebagai bukti pengakuan al-Qur'an

terhadap agama lain. Ayat tersebut bermaksud seperti berikut:

“Sesungguhnya Kami telah menurunkan Kitab Taurat, yang mengandungi petunjuk dan cahaya yang menerangi; dengan Kitab itu nabi-nabi yang menyerah diri (kepada Allah) menetapkan hukum bagi orang-orang Yahudi, dan (dengannya juga) ulama mereka dan pendita-penditanya (menjalankan hukum Allah), sebab mereka diamanahkan memelihara dan menjalankan hukum-hukum dari Kitab Allah (Taurat) itu...” (Surah al-Ma'idah 5: 44).

“Dan Kami utuskan Nabi Isa ibn Maryam mengikuti jejak langkah mereka (Nabi-nabi Bani Isra'il), untuk membenarkan Kitab Taurat yang diturunkan sebelumnya; dan Kami telah berikan kepadanya Kitab Injil, yang mengandungi petunjuk hidayah dan cahaya yang menerangi, sambil mengesahkan benarnya apa yang telah ada di hadapannya dari Kitab Taurat, serta menjadi petunjuk dan nasihat pengajaran bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa” (Surah al-Ma'idah 5: 46).

Abd. Moqsih berhujahkan pandangan Ibn Kathir yang mengatakan bahawa ayat di atas memberikan pengakuan terhadap umat Yahudi dan Nasrani. Jika mereka berpegang dengan kitab suci mereka, ia sudah cukup untuk memberikan keselamatan kepada mereka (al-Ma'idah 5: 66). Sebaliknya, jika mereka ingkar dan berpaling daripada kitab suci mereka, maka mereka menjadi kafir dan fasik. Hal inilah yang sering dilakukan oleh umat Yahudi pada zaman Nabi Muhammad (s.a.w) yang menyelewengkan kitab Taurat. Walau bagaimanapun, menurut Ibn Kathir lagi, kitab tersebut hanya relevan pada zaman mereka sahaja. Apabila Nabi Muhammad (s.a.w) diutus sebagai rasul dengan membawa al-Qur'an, maka kitab itu sudah tidak relevan lagi (Ibn Kathir, 1993).

Berdasarkan ayat al-Qur'an surah al-Baqarah ayat 62 dan al-Ma'idah 69 pula, golongan pluralisme agama menjelaskan adanya keselamatan dalam semua agama dengan syarat mereka berpegang kepada tiga nilai universal yang terkandung dalam ayat tersebut iaitu beriman kepada Allah, hari akhirat dan beramal salih. Nilai-nilai tersebut berlaku untuk semua agama dan ayat tersebut tidak dimansuhkan (Budhy Munawar, 2010; Jalaluddin, 2006). Mereka juga berhujah dengan ayat berikut:

Maksudnya: “Bahawasanya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Sabi'in, dan orang-orang Nasrani, dan

orang-orang Majusi, serta orang-orang musyrik, Sesungguhnya Allah akan memutuskan hukum-Nya di antara mereka pada hari kiamat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu” (al-Hajj 22: 17).

Menurut mereka, selain orang Islam, Kristian, Yahudi, Sabi'in dan orang-orang Majusi (Zoroaster) juga dijanjikan syurga. Sikap al-Qur'an yang seperti itu menunjukkan suatu sikap yang luar biasa khususnya keadilan Tuhan dalam memberi balasan ke atas amal baik hamba-Nya. Tuhan tidak akan mensia-siakan segala kebaikan yang dilakukan hamba-Nya walau apa pun agama, suku dan bangsa mereka. Daripada paparan tersebut, mereka menyimpulkan bahawa al-Qur'an melihat semua agama adalah Islam (Islam umum) walau apa pun namanya sama ada Islam, Kristian, Yahudi, Sabi'in, Hindu, Buddha, Khonghucu, Zoroaster dan lain-lain. Selanjutnya, mereka mengatakan bahawa semua agama adalah benar iaitu datang dari Tuhan. Ia adalah *al-Islam* atau ajaran tentang pasrah kepada Tuhan. Sikap pasrah kepada Tuhan ini menjadi tuntutan dan kewajipan sejak Nabi Adam (a.s) lagi hingga Nabi Muhammad (s.a.w). Dalam hal ini, Budhy Munawar (2010) menulis:

Dari sini, menjadi jelas bahawa agama-agama itu berpangkal kepada *al-Islam*, kerana merupakan kelanjutan agama nabi-nabi sebelumnya. Mereka meyakini – seperti pandangan al-Qur'an – bahawa inti semua agama yang benar adalah *al-Islam*. Maka *al-Islam*, atau pasrah kepada Tuhan adalah pangkal adanya hidayah Ilahi kepada seseorang, dan *al-Islam* menjadi landasan universal kehidupan manusia, yang berlaku untuk setiap orang, di setiap tempat dan waktu (al-Qur'an, 3:20). Adapun manifestasi lahiriahnya *al-Islam* itu dapat beraneka ragam, antara lain kerana mengikuti zaman dan tempat. Namun, dalam keanekaragaman itu, semua orang harus mengabdikan dan berbakti kepada Wujud Yang Satu, yaitu Tuhan, dengan sikap pasrah kepada-Nya. Ini mendapatkan penegasan yang tak meragukan dalam al-Qur'an (al-Qur'an, 22:34).

Al-Qur'an juga mengatakan bahawa Allah S.W.T telah mengutus nabi-nabi dan rasul-rasul kepada setiap kaum di setiap zaman. Tidak ada satu kaum yang terkecuali daripada menerima perutusan nabi atau rasul (Budhy Munawar, 2010; Zuhairi Misrawi, 2007). Menurut Budhy Munawar lagi, apa yang perlu diambil perhatian ialah simbol dan nama lahiriah tidak penting dalam

beragama tetapi apa yang lebih penting ialah inti pati yang dibawa oleh sesuatu agama. Hal ini kerana beragama tidak hanya terhenti setakat simbol sahaja tetapi penghayatan dan pengamalan nilai-nilai yang terkandung di dalamnya. Menurut beliau, al-Qur'an menyindir orang-orang yang merasakan diri mereka selamat dengan hanya bergantung kepada nama atau simbol sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

“(balasan yang baik yang dijanjikan oleh Allah itu) tidak akan didapati hanya dengan angan-angan kamu semata-mata, dan tidak pula dengan angan-angan Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani). Sesiapa yang melakukan kejahatan, ia akan dibalas dengan kejahatan itu, dan ia pula tidak akan mendapat - selain dari Allah - seorang pun yang akan melindunginya, dan tidak ada juga yang dapat menolongnya. Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk syurga, dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikitpun” (al-Nisa 4: 123-124).

Ayat di atas menjelaskan bahawa keselamatan bukan disebabkan oleh kelompok keagamaan (*jinsiyyah diniyyah*) tetapi keselamatan dapat dicapai dengan iman yang benar dan amal yang salih. Isu agama yang dianuti oleh manusia tidak timbul sama sekali bahkan tidak beriman kepada Nabi Muhammad (s.a.w) pun tidak menjejaskan keselamatan kerana ia tidak meletakkan syarat mesti beriman kepada baginda. Justeru, anggapan bahawa “keputusan Allah bergantung kepada angan-angan orang Islam dan Ahli Kitab” (yang menyangka bahawa hanya kelompok mereka sahaja yang akan selamat di akhirat) dengan sendirinya terbatal. Telah ditetapkan bahawa keputusan Allah bergantung kepada amal yang baik dan iman yang benar (Budhy Munawar, 2010).

3. Konsep Keselamatan dan Kebenaran Menurut Pandangan Ulama

Bagi mendapatkan suatu kesimpulan tentang ayat 62 surah al-Baqarah dan 69 surah al-Ma'idah yang dijadikan hujah oleh golongan pluralisme agama bagi menyokong pandangan sempit mereka, penulis membawakan beberapa tafsiran oleh ulama-ulama muktabar seperti al-Tabari, al-Baydawi, al-Qurtubi, dan lain-lain. Menurut al-Tabari, maksud iman seorang mukmin dalam kedua-dua ayat tersebut ialah tetap dalam Islam dan tidak menggantikannya dengan agama lain. Orang Yahudi, Nasrani dan Sabi'in perlu meninggalkan agama yang dianuti mereka sebelum ini

dan beriman dengan ajaran Nabi Muhammad (s.a.w) serta tetap dengan keimanan tersebut hingga ke akhir hayat. Hanya dengan cara ini sahaja mereka akan mendapat keselamatan di dunia dan akhirat (al-Tabari, 1992).

Iman yang dimaksudkan di sini ialah sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Syawkani (1993) iaitu iman yang dikehendaki oleh sebuah hadith yang terkenal dengan hadith Jibril yang berbunyi:

Maksudnya: “Jibril berkata: khabarkan kepadaku tentang iman. Nabi (s.a.w) bersabda: bahawa engkau beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya dan hari akhirat serta beriman dengan *qadar* yang baik mahupun yang buruk” (al-Nawawi, 1422 H; al-Mundhiri, 1994).

Meskipun dalam ayat 62 surah al-Baqarah dan 69 surah al-Ma'idah hanya menyebutkan dua rukun iman sahaja (Allah dan hari akhirat), ia merupakan suatu perkara yang menjadi kebiasaan al-Qur'an dan hadith Rasulullah (s.a.w).³ Namun, yang dituntut daripada umat Islam ialah beriman dengan keseluruhan rukun iman sebagaimana yang termaktub dalam hadith di atas (Mazlan & Achmad Yaman, 2010). Justeru, iman yang semacam itu tidak wujud dalam agama-agama lain kecuali agama Islam. Oleh sebab itu, seseorang itu hanya dikatakan beriman apabila dia memeluk agama Islam. Jadi, apabila Rasulullah (s.a.w) meminta setiap pengikut nabi-nabi sebelum baginda agar mengikuti ajaran Islam yang dibawa oleh baginda, maka mereka hendaklah dengan rendah hati mematuhi. Jika tidak, akibatnya ialah mereka akan dimasukkan ke dalam neraka seperti mana dalam dua hadith berikut:

Maksudnya: “Daripada Abu Musa katanya, Rasulullah (s.a.w) bersabda: Tidak ada seorangpun daripada umat ini, tidak juga daripada umat Zafar dan Nasrani yang mendengar mengenaiku kemudian tidak beriman denganku melainkan ia termasuk penghuni neraka. Abu Musa berkata: apa yang disabdakan oleh Rasulullah (s.a.w) telahpun ada dalam kitab Allah. Lalu aku baca dan aku jumpai ayat yang maksudnya: dan barang siapa yang kufur dengannya daripada semua golongan, maka nerakalah tempat yang dijanjikan untuknya. Dalam riwayat lain

³ Umpamanya Nabi (s.a.w) bersabda yang bermaksud: “Barang siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berkata perkara yang baik atau diam sahaja”; “Barang siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia memuliakan tetamunya” dan sebagainya.

disebutkan, maka dia tidak beriman denganku, dia tidak akan masuk syurga”. (Al-Haythami, 1407 H).⁴

Maksudnya: “Daripada Abu Hurayrah katanya, Rasulullah (s.a.w) bersabda: Demi jiwa Muhammad yang berada di tangan-Nya, tidak ada seorangpun daripada umat ini, tidak juga daripada umat Zafar dan Nasrani yang mendengar mengenaiku kemudian tidak beriman dengan apa yang dibawa bersamaku, melainkan ia termasuk penghuni neraka”. (Al-Haythami, 1407 H).

Hadith ini jelas menunjukkan bahawa kedatangan Nabi Muhammad (s.a.w) sebagai penutup sekalian nabi dengan membawa al-Qur'an sebagai penutup sekalian wahyu bagi menyempurnakan penyatuan umat manusia dengan ajaran Allah S.W.T. Kedatangan Islam bukan bermatlamat untuk bermusuhan dengan Yahudi atau Nasrani melainkan untuk melanjutkan ajaran Allah yang belum selesai. Justeru, orang yang mengaku beriman dengan Allah pasti tidak menolak kedatangan Nabi Muhammad (s.a.w) dan wahyu yang dibawa baginda. Walau bagaimanapun, jika mereka menolak juga setelah keterangan tersebut telah sampai kepada mereka, maka mereka menjadi kafir dan nerakalah tempat tinggal mereka. Hal ini disebabkan oleh keimanan mereka kepada Allah yang tidak sempurna kerana menolak salah seorang daripada nabi dan rasul Allah (Hamka, 1984).

Bahkan ada pendapat yang mengatakan bahawa ayat ini telah dimansuhkan dengan ayat 85 surah Ali 'Imran (Ibn Hazm, 1406). Jika berpegang kepada pendapat ini, ia menunjukkan bahawa syarat untuk mendapat keselamatan ialah dengan mengikuti ajaran Islam dan meninggalkan ajaran-ajaran yang lain. Agama Islam adalah satu-satunya agama yang diredai dan diakui kebenarannya oleh Allah S.W.T seperti mana firman-Nya:

Maksudnya: “...Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku telah reda Islam itu menjadi agama untuk kamu...” (al-Ma'idah 5: 3).

Dua orang ahli tafsir terkemuka iaitu al-Qurtubi (1967) dan al-Syawkani (1993) berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan orang beriman dalam ayat tersebut (al-Baqarah: 62) ialah golongan munafik, iaitu orang yang hanya mengaku beriman dengan lisannya. Oleh itu, mereka digandingkan dengan orang Yahudi, Nasrani dan Sabi'in kerana ketidakbenaran iman

⁴ Al-Haythami menilai hadith ini sebagai sahih.

mereka kepada Allah S.W.T sehingga mereka benar-benar beriman terlebih dahulu sebelum mendapat balasan yang dijanjikan Allah S.W.T dalam ayat berkenaan.

Menurut al-Baydawi pula, sesiapa sahaja daripada kalangan penganut agama-agama samawi tersebut yang beriman dan beramal sesuai dengan ketentuan ajaran agamanya sebelum ia dimansuhkan oleh agama Islam, maka mereka inilah bersama-sama dengan orang yang beriman yang akan mendapat pahala dan ganjaran daripada Tuhan sebagaimana yang dijanjikan dalam ayat tersebut (Al-Baydawi, 1996).

Sayyid Qutb (r.h) pula menjelaskan bahawa antara hakikat agama yang diketahui umum dengan jelas (*al-ma'lum min al-din bi al-darurah*) ialah Nabi Muhammad (s.a.w) merupakan rasul terakhir yang diutuskan kepada seluruh umat manusia. Sesiapa yang tidak beriman dengan kerasulan baginda sama ada secara umum mahupun terperinci, maka dia seorang yang sesat yang tidak akan diterima agamanya dan dia tidak akan termasuk dalam firman Allah (*Fala khawfun alayhim wa la hum yahzanun*). Justeru, menurut Sayyid Qutb (r.h), walaupun Allah S.W.T tidak menyatakan secara eksplisit tentang keimanan kepada Nabi Muhammad (s.a.w) dalam ayat di atas, namun secara implisitnya, ia merupakan suatu kepastian yang tidak perlu dipertikaikan lagi kerana ia telah terkandung dalam rukun iman yang wajib diimani secara total tanpa ragu-ragu sebagai prasyarat untuk mendapat keselamatan (Sayyid Qutb, 1980).

Manakala Ibn al-Jawzi (1404 H) memberikan tiga alasan kenapa orang beriman diulang dua kali dalam ayat ini iaitu *amanu* dan *amana*. Pertama, yang dimaksudkan dengan orang beriman ialah orang munafik sehingga mereka perlu meyakini kembali keimanannya. Kedua, orang beriman daripada kalangan para penganut agama Yahudi, Nasrani dan Sabi'in dan ketiga, di antara orang beriman yang tetap teguh dengan keimanannya (Ibn al-Jawzi, 1404).

Al-Wahidi (t.t) dan al-Baghawi (1997) dalam salah satu pendapat mereka pula menyebut bahawa maksud orang beriman ialah orang yang beriman dengan nabi-nabi terdahulu dan belum beriman dengan Nabi Muhammad (s.a.w) sehingga mereka bersama dengan penganut agama lain dituntut untuk beriman dengan kerasulan Muhammad dan ajaran-ajaran yang dibawa bersamanya kemudian beramal dengan syariat baginda untuk melayakkan mereka mendapat balasan yang besar yang dijanjikan oleh Allah S.W.T. Walau bagaimanapun, amat malang sekali apabila golongan pluralisme agama menjadikan ayat ini sebagai hujah untuk menafikan keimanan kepada Nabi Muhammad (s.a.w).

Ibn Kathir (1993) dalam tafsirnya pula mengaitkan ayat ini dengan ayat sebelumnya yang menjelaskan perbuatan jahat dan zalim sebahagian besar bangsa

Yahudi seperti membunuh para nabi utusan Allah. Kemudian Allah S.W.T ingin menarik perhatian bahawa sesiapa di antara penganut agama nabi terdahulu yang melakukan kebaikan berlandaskan ajaran Nabi Muhammad (s.a.w), maka mereka akan mendapat balasan kebaikan.

Selain mengaitkan ayat ini dengan ayat sebelumnya, Ibn 'Asyur (1997) pula menghubungkannya dengan ayat selepasnya. Maka ayat ini menjadi bukti rahmat Allah terhadap mereka yang zalim walaupun mereka melanggar perjanjian untuk taat setia kepada Allah. Namun, pintu taubat masih terbuka untuk mereka dengan syarat mereka beriman kepada Allah dengan bersungguh-sungguh dan beramal salih. Iman yang dimaksudkan di sini ialah iman yang sempurna dengan ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad (s.a.w). Buktinya ialah digandingkan iman itu dengan amal salih manakala amal pula tidak diterima melainkan dengan iman yang sebenar, iaitu beriman dengan Muhammad (s.a.w). Keengganan untuk beriman dengan baginda (s.a.w) dianggap tidak beriman kepada Allah S.W.T.

Wahbah al-Zuhayli (1991) pula mentafsirkan ayat ini dengan menghubungkaitkan dengan ayat sebelumnya, iaitu setelah Allah S.W.T mendedahkan perilaku orang-orang Yahudi terdahulu, balasan serta tempat kembali mereka yang penuh azab untuk dijadikan peringatan bagi umat Islam. Allah menyebutkan prinsip umum sahaja iaitu sesiapa sahaja yang beriman kepada Allah, hari akhirat dan beramal salih, maka ia termasuk orang yang berjaya dan mendapat keselamatan, sama ada dahulunya mereka beragama Islam, Yahudi, Nasrani, Sabi'in ataupun orang yang meninggalkan agama mereka untuk memeluk Islam. Allah S.W.T telah menghapuskan kesalahan dan dosa mereka yang terdahulu. Firman Allah S.W.T:

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang kafir itu, jika mereka berhenti (dari kekufurannya), nescaya akan diampunkan dosa mereka yang telah lalu dan jika mereka kembali lagi (ingkar, maka Kami akan menyeksa mereka), kerana sesungguhnya telah berlakulah kebinasaan orang-orang (yang kufur ingkar) dahulu kala" (al-Anfal 8: 38).

Walaupun bagaimanapun, syaitan akan sentiasa berusaha untuk menyesatkan manusia daripada jalan kebenaran. Bagi menyelamatkan manusia, Allah S.W.T mengutuskan para nabi dan rasul untuk mengingatkan dan menyedarkan mereka bahawa jalan kebenaran dan keselamatan itu hanya satu iaitu jalan yang dirintis oleh para nabi dan rasul terdahulu. Namun, hanya sebahagian sahaja yang beriman manakala sebahagian yang lain bukan sahaja tidak mengikutinya bahkan

menentang ajaran rasul yang diutuskan kepada mereka. Bagi menyempurnakan perutusan para nabi dan rasul terdahulu, Allah S.W.T mengutuskan nabi terakhir dan penghulu segala nabi, iaitu Nabi Muhammad (s.a.w) dengan membawa ajaran Islam dan setiap manusia dituntut supaya beriman kepada ajaran Nabi Muhammad (s.a.w). Sesiapa yang masih berdegil dan kekal dengan agama lamanya, maka Allah S.W.T akan memutuskan urusan mereka di akhirat nanti. Firman Allah S.W.T:

Maksudnya: “Bahawasanya orang-orang yang beriman dan orang-orang Yahudi dan orang-orang Sabi’in dan orang-orang Nasrani dan orang-orang Majusi, serta orang-orang Musyrik, sesungguhnya Allah akan memutuskan hukum-Nya di antara mereka pada hari kiamat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu” (al-Hajj 22: 17).

Sememangnya jika dilihat secara sepintas lalu, ayat 62 (al-Baqarah) dan 69 (al-Ma’idah) memperlihatkan persamaan antara semua penganut agama di hadapan Allah S.W.T pada hari kiamat. Walau bagaimanapun, keraguan itu terjawab dengan sendirinya apabila turunnya ayat di atas yang meletakkan garis sempadan yang jelas antara enam penganut agama tersebut. Dalam mentafsirkan ayat di atas, al-Nasafi (t.t) menyebutkan bahawa kesemua enam agama yang disebutkan dalam ayat di atas terbahagi kepada dua, iaitu satu agama untuk Allah dan lima agama untuk syaitan. Maka, Allah akan memisahkan mereka pada hari kiamat nanti sehingga tidak memungkinkan mereka mendapat balasan yang sama. Dalam ayat yang lain, Allah menempelak golongan Yahudi dan Nasrani yang berangan-angan untuk memasuki syurga-Nya padahal syurga itu disediakan kepada orang-orang yang berserah diri kepada-Nya semata-mata dan berbuat kebajikan. Firman-Nya:

Maksudnya: “Dan mereka (Yahudi dan Nasrani) berkata pula: “Tidak sekali-kali akan masuk syurga melainkan orang-orang yang beragama Yahudi atau Nasrani”. Yang demikian itu hanyalah angan-angan mereka sahaja. Katakanlah (wahai Muhammad): “Bawalah kemari keterangan-keterangan yang (membuktikan kebenaran) apa yang kamu katakan itu, jika betul kamu orang-orang yang benar. (Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar) bahkan sesiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah (mematuhi perintah-Nya) sedang dia pula berusaha supaya baik amalannya, maka dia akan beroleh pahalanya di sisi Tuhannya dan tidaklah ada

kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita” (al-Baqarah 2: 111-112).

Menurut riwayat al-Tabari (1992), setelah turunnya ayat 62 surah al-Baqarah, Rasulullah (s.a.w) telah memanggil Salman al-Farisi dan bersabda kepadanya: “Ayat ini turun berkenaan dengan sahabat-sahabat kamu. Sesiapa di antara mereka yang berpegang dengan agama Nabi Isa (a.s) sebelum datangnya agama Islam, maka mereka berada dalam kebaikan. Namun, sesiapa yang mendengar mengenai kedatanganku tetapi tidak beriman denganku, maka ia akan mendapat kecelakaan”. Bahkan setelah turunnya ayat ini, turun pula ayat yang menegaskan bahawa sesiapa yang mengikuti agama lain selain Islam, tidak akan diterima daripadanya seperti yang berlaku ke atas Tumah ibn Ubayriq daripada kabilah al-Aws yang murtad (keluar daripada Islam) dan kembali kepada orang kafir Mekah (al-Tabari, 1992). Firman Allah S.W.T:

Maksudnya: “Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima kepadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi” (Ali ‘Imran 3: 85).

Kemudian Allah S.W.T sendiri telah menghilangkan keraguan mengenai agama manakah yang paling diredai-Nya dengan firman-Nya dalam surah yang sama ayat 19:

Maksudnya: “Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisab-Nya”.

Akhirnya, surah al-Fatihah yang sentiasa diulang baca sebanyak 17 kali dalam sembahyang fardu lima waktu menjadi petunjuk yang jelas bagi umat Islam. Dalam dua ayat terakhir surah tersebut, umat Islam diwajibkan memohon kepada Allah agar diberikan petunjuk kepada jalan yang lurus iaitu jalan orang yang diberi nikmat hidayah (*alladhina an'amta*) oleh Pemberi hidayah iaitu Allah S.W.T dan bukannya

jalan orang-orang yang dimurkai (*al-Maghdub*) mahupun jalan orang-orang yang sesat (*al-Dallin*) (Syekh Abdullah Basmeih, 2001).

4. Analisis dan Perbincangan

Isu keselamatan dan kebenaran sesuatu agama merupakan antara isu utama dalam perbincangan pluralisme agama. Al-Faruqi, dalam tulisannya pernah menyebutkan bahawa semua agama adalah sah dan benar. Walau bagaimanapun, kenyataan al-Faruqi itu merujuk kepada agama yang asal iaitu *din al-fitrah* atau *Ur-religion* atau *religio-naturalis* (agama alamiah) yang disampaikan oleh nabi-nabi yang diutuskan oleh Allah S.W.T kepada sesuatu kaum. Agama alamiah ini terdiri daripada *sensus numinis* yang tak pernah menyimpang daripada jalan kebenaran dan menjadikan manusia mengenal Allah sebagai Tuhan yang sebenar. Justeru, *din al-fitrah* atau agama alamiah yang sama-sama dimiliki oleh manusia sejak lahir lagi sama ada Muslim atau bukan Muslim harus dibezakan daripada tradisi-tradisi agama dalam sejarah. Apa yang ditanamkan oleh Allah dalam diri manusia – dari sudut keesaan, kemuliaan dan ketinggian-Nya – lebih dahulu daripada setiap tradisi mana-mana agama pun, dan Islam menyebut *din al-fitrah* ini sebagai “Islam” (al-Faruqi, 1998). Dengan hal yang demikian, *din al-fitrah* lebih tepat disebut sebagai agama asal (*original*) yang dianuti oleh setiap manusia walau apa pun tradisi keagamaan atau budaya atau tempat ia dilahirkan dan dibesarkan.

Pada pandangan penulis, di sebalik kenyataan al-Faruqi yang menyebutkan bahawa agama lain adalah sah dan benar, beliau tetap berpandangan bahawa hanya Islam merupakan agama yang benar. Hal ini diakui sendiri oleh Marcus Braybrooke, bekas paderi Anglikan yang telah bersara merangkap Presiden, Kongres Agama-agama Dunia (*World Congress of Faiths*) sewaktu sesi dialog yang diadakan antara al-Faruqi dan beberapa orang paderi Kristian. Beliau pernah mendengar bahawa al-Faruqi ada mengatakan bahawa Islam adalah agama yang benar, sementara Yahudi dan Kristian pada asalnya juga merupakan agama yang benar tetapi kebenaran itu telah dicemari oleh tangan-tangan manusia (Al-Faruqi, 1998).

Menurut al-Faruqi lagi, setiap manusia secara fitrahnya telah dibekalkan dengan pancaindera dan akal yang membolehkannya mengenali kebenaran dan Tuhan. Dengan akal yang sihat dan cerdas, manusia mampu mencapai kebenaran dan mengenali Tuhan. Untuk menjelaskan hal ini, al-Faruqi telah membawa kisah Hayy bin Yaqzan,⁵ seorang bayi yang dibesarkan

oleh seekor binatang di sebuah pulau yang tidak dihuni manusia namun mampu mencapai kebenaran dengan kekuatan akal yang dimilikinya (al-Faruqi, 1998).

Selaras dengan perspektif Islam, manusia dilahirkan dalam keadaan suci (fitrah). Dengan fitrahnya, setiap manusia dianugerahkan kemampuan dan kecenderungan bawaan untuk mencari, mempertimbangkan dan memahami kebenaran yang pada akhirnya akan membuatnya mengiktiraf Tuhan sebagai sumber kebenaran tersebut. Kemampuan dan kecenderungan inilah yang disebut sebagai “sikap *hanif*” (al-Rum 30: 30). Berdasarkan prinsip ini, Islam menegaskan bahawa setiap manusia adalah *homo religiosus*. Dalam al-Qur’an, manusia *hanif* diidentifikasi kepada nabi Ibrahim (a.s) yang semasa dalam pencarian kebenaran pada akhirnya

Hayy bin Yaqzan digambarkan sebagai seorang syekh tua yang memegang kunci-kunci pengetahuan yang diterima daripada bapanya. Ibn Sina menceritakan bahawa beliau pernah berjumpa dan berdialog dengan Hayy bin Yaqzan yang merupakan tokoh simbolik bagi akal yang aktif yang berkomunikasi dengan para failasuf dan nabi. Versi yang paling masyhur dan lengkap ditulis oleh Ibn Tufayl di Andalus. Berbeza dengan versi Ibn Sina, Hayy bin Yaqzan dalam versi Ibn Tufayl digambarkan sebagai seorang bayi lelaki yang merupakan hasil perkahwinan secara rahsia antara saudara perempuan seorang raja dengan seorang anggota keluarga istana di sebuah pulau. Bimbang rahsia perkahwinan itu diketahui oleh raja, bayi itu dihanyutkan ke laut dan terdampar di sebuah pulau yang tidak dihuni manusia. Bayi itu ditemui oleh seekor rusa yang baru kematian anaknya. Rusa itu menyusu, mengasuh dan memelihara bayi itu sehinggalah binatang itu mati. Bayi yang bernama Hayy bin Yaqzan itu dapat terus hidup dalam persekitaran binatang dan menjadi manusia dewasa yang sihat dari sudut rohani, jasmani dan akli. Kisah ini menggambarkan bahawa melalui usaha intelek yang bersungguh-sungguh, Hayy bin Yaqzan berjaya mengeluarkan dirinya daripada kejahilan kepada pengetahuan saintifik dan akhirnya kepada pemikiran yang sebenar tentang Tuhan. Dengan anugerah kekuatan jiwa dan akalnya, dia memperolehi ilmu pengetahuan yang merupakan hasil atau kesimpulannya terhadap percubaan yang dilakukannya atau pengetahuan yang diberikan oleh alam semesta. Ia menunjukkan bahawa walaupun tanpa bimbingan wahyu, akal manusia masih mampu mencapai kebenaran tentang Tuhan dan alam yang tidak bertentangan dengan wahyu. Untuk terperinci, lihat ‘Abd al-Halim Mahmud (t.t), *Falsafah Ibn Tufayl wa Qissah (Hayy bin Yaqzan)*. Cet. Ke-2, Kaherah: Matba‘ah al-Dar al-Misriyyah, h. 99.

⁵ Hayy bin Yaqzan merupakan tokoh utama dalam karya Ibn Tufayl (m. 1185) tetapi sebelum itu ia telah ditulis oleh Ibn Sina (m. 1036). Dalam versi Ibn Sina,

menemui Tuhan yang sejati. Ibrahim (a.s) dilihat sebagai nabi kepada tiga agama: Yahudi, Kristian dan Islam sehingga dalam kalangan ahli ilmu perbandingan agama disebut sebagai “agama-agama Ibrahim” (*Abrahamic religions*) (Adeng Muchtar, 2005).

Menurut al-Faruqi lagi, setiap insan dilahirkan dengan agama tauhid. Jika mereka mengalami kesesatan dalam hidupnya, mereka sebenarnya telah disesatkan oleh persekitarannya (al-Faruqi, 1986). Agama tauhid ini sebenarnya telah wujud dalam diri manusia semenjak di alam arwah lagi berdasarkan dialog antara Allah S.W.T dengan para *arwah* (al-A'raf 7: 172). Sehubungan dengan ini juga, Ibn Qayyim al-Jawziyyah (r.h) mengatakan bahawa manusia mampu menjangkau semua benda dengan panca inderanya yang lima. Indera penglihatan untuk melihat benda-benda yang dapat dilihat, pendengaran untuk suara, bau untuk mencium pelbagai aroma, rasa untuk mengecap pelbagai rasa dan sentuhan untuk menyentuh pelbagai permukaan. Kemudian, Ibn Qayyim mempersoalkan tentang masih adakah lagi sesuatu yang tidak terjangkau oleh indera manusia? Sekiranya ada, maka Allah S.W.T mengurniakan manusia indera keenam (*al-hasah al-sadisah*) dan ia dinamakan indera batin (*al-hawas al-batinah*). Allah S.W.T membolak-balikkan kelima-lima indera manusia itu kerana mendalamnya renungan dan pemerhatian indera batin itu (Ibn Qayyim al-Jawziyyah, t.t).

Pandangan ini juga turut dikongsi oleh seorang ilmuan Barat, Otto (1958) yang berpendapat bahawa manusia memiliki “enam pancaindera.” Beliau memanggilnya sebagai “perasaan tentang kehadiran Tuhan” (dalam Islam, ia dikenali sebagai *Ihsan*) dalam diri setiap insan melalui fakulti panca indera yang telah dianugerahkan oleh Tuhan kepada mereka. Ini bererti bahawa secara fitrahnya, setiap individu telah meyakini keesaan Allah S.W.T sebagaimana yang ditegaskan oleh Islam dan telah turut diakui oleh sarjana Barat. Perubahan keyakinan seseorang individu dari tauhid kepada yang lain adalah disebabkan oleh persekitarannya (Rosyidi, 2009).

Kesimpulannya, penulis berpandangan bahawa Islam menurut al-Faruqi merupakan agama yang paling benar dan keselamatan hanya berada dalam agama Islam. Apabila beliau mengatakan bahawa agama lain juga sah dan benar, sebenarnya ia merujuk kepada agama yang asal yang menepati fitrah semula jadi manusia. Agama asal ini dinamakan *din al-fitrah* dan belum lagi dinamakan agama Islam. Agama Islam hanya muncul pada zaman Nabi Muhammad (s.a.w) dan dizezetkan dalam al-Qur'an. Agama-agama lain tidak menepati fitrah manusia kerana ia mengajar manusia mensyirikkan Allah S.W.T sedangkan roh manusia pernah membuat perjanjian dengan Allah di

alam *arwah* untuk menyembah dan mengabdikan diri kepada-Nya semata-mata. Agama Yahudi mengaitkan Nabi 'Uzayr sebagai anak Allah (al-Tawbah 9: 30), manakala Nabi Isa (a.s) disembah sebagai Tuhan dan anak Tuhan dalam agama Kristian (al-Ma'idah 5: 17, 72 dan 73). Seterusnya, agama-agama lain menjadikan makhluk sebagai Tuhan bersama-sama Allah. Bagaimanakah keselamatan hendak dicapai atas dunia ini sekiranya ada banyak Tuhan yang mentadbir alam ini? Allah S.W.T dengan tegas menjawab persoalan ini dengan firman-Nya:

Maksudnya: “Kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan yang lain daripada Allah, nescaya rosaklah pentadbiran kedua-duanya. Maka (bertauhidlah kamu kepada Allah dengan menegaskan): Maha Suci Allah, Tuhan yang mempunyai 'arasy, dari apa yang mereka sifatkan.” (al-Anbiya' 21: 22).

5. Kesimpulan

Berdasarkan pentafsiran para ahli tafsir Islam yang muhtabar di atas bak kata pepatah Melayu “sudah terang lagi bersuluh”, sangatlah jelas bahawa jaminan kebenaran dan keselamatan yang dimaksudkan dalam ayat hanya akan diberikan kepada mereka yang mengikuti ajaran yang dibawa oleh rasul pada setiap zaman. Apabila sampai masa rasul terakhir diutuskan, maka sayugialah bagi setiap manusia yang berakal agar menganut, melaksana dan menyebarkan agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad (s.a.w) iaitu agama Islam kerana Islam merupakan agama yang paling tinggi sebagaimana sabda baginda (s.a.w):

Maksudnya: “Islam adalah tinggi dan tiada satupun (agama) yang lebih tinggi daripadanya” (Al-'Asqalani, t.t).

Al-Faruqi tetap menganggap bahawa Islam merupakan agama yang benar. Beliau mengajak orang bukan Islam di Barat kepada Islam sama ada secara langsung atau tidak langsung. Beliau menggunakan pentas dialog antara agama bagi merealisasikan hasrat beliau. Walau bagaimanapun, idea beliau tidak terlepas daripada menerima kritikan oleh sesetengah pengkaji yang tidak menyelidiki secara keseluruhan segala tulisan dan pandangan beliau. Kekeliruan ini timbul apabila beliau menulis dalam *Islam and Other Faiths* bahawa agama Yahudi dan Kristian adalah sah dan benar. Namun, harus diingat bahawa sebenarnya beliau merujuk kepada agama yang asal yang berdasarkan kitab yang asli (Taurat dan Injil). Agama ini dikenali sebagai *din al-fitrah* atau *religio-naturalis* atau *Ur-religion*. Hal ini ekoran daripada perjanjian yang telah termeterai antara manusia dengan Allah

S.W.T semasa di alam arwah lagi. Apabila manusia lahir ke dunia ini, mereka telah dibekalkan dengan agama fitrah yang membolehkan mereka mengenali Allah sebagai Tuhan yang wajib disembah. Walau bagaimanapun, setelah melalui perjalanan sejarah yang panjang, agama ini telah diselewengkan.

Rujukan

Al-Qur'an al-Karim

Al-Hadith al-Syarif

Abd al-Halim Mahmud. (t.t). *Falsafah Ibn Tufayl wa Qissah (Hayy bin Yaqzan)*. Cet. Ke-2, Kaherah: Matba'ah al-Dar al-Misriyyah.

Abdul Halim Ramli. (2002). *Pemikir Islam Prof Ismail Ragi al-Faruqi*. Segamat: Gubah Publisher.

Abd. Moqsith Ghazali. (2009). *Argumen Pluralisme Agama*, Depok: KataKita.

Adeng Muchtar Ghazali. (2005). *Pemikiran Islam Kontemporer: Suatu Refleksi Keagamaan Yang Dialogis*. Bandung: CV Pustaka Setia.

Al-'Asqalani, Ibn Hajr. (t.t.). *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Kitab al-Jana'iz, Juz. 3, Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Baghawi. (1997). *Tafsir al-Baghawi*. Jil. 1, cet. ke-25, Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Baydawi, 'Ali Abd. Allah bin Muhammad. (1996). *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil (Tafsir al-Baydawi)*, jil. 1, Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Faruqi, Ismail R. (1998). *Islam and Other Faiths*, Atallah Siddiqui (ed.), Herndon: IIIT.

Al-Faruqi, Ismail R. (1990). "The First Principles of Islamic Methodology" dlm *Islamic Thought and Scientific Creativity, A Comstech Quarterly Journal*. Jil. 1. No. 1. January-March 1990.

Al-Faruqi, Ismail R. (1986). "Meta-religion: Towards Al-Faruqi Critical World Theology" dlm *AJISS*, vol. 3, no. 1, Herndon: IIIT.

Al-Haythami, 'Ali ibn Abi Bakr. (1407 H). *Majma' al-Zawa'id*, bab Fi Man Yasma'u bi wa Lam Yu'min bih, jil. 8, Cairo: Dar al-Rayyan li al-Turath.

Al-Mundhiri, 'Abd al-'Azim bin 'Abd al-Qawiy Zakiy al-Din. (1994). *Mukhtasar Sahih Muslim*, kitab al-Iman, bab Awwal al-Iman Qawl : La Ilaha illa Allah, jil. 1, al-Riyad: Dar Ibn Khuzaymah.

Al-Nasafi, 'Abd. Allah ibn Ahmad ibn Mahmud. (t.t). *Tafsir al-Nasafi*. Jil. 3, t.t.p: t.p.

Al-Nawawi, Muhy al-Din Yahya bin Syaraf al-Din. (1422 H). *al-Arba'un al-Nawawiyyah*. Al-Riyad: Dar Tayyibah li al-Nasyr wa al-Tawzi'.

Al-Qurtubi, Muhammad ibn Muhammad, Abu 'Abdullah. (1967). *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, jil. 1, Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.

Al-Syawkani, Muhammad ibn 'Ali ibn Muhammad. (1993). *Fath al-Qadir: al-Jami' bayna Fannay al-Riwayah wa al-Dirayah fi 'Ilm al-Tafsir*. Jil. 1, Kaherah: Dar al-Hadith.

Al-Tabari, Muhammad ibn Jarir. (1992). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil Ay al-Qur'an*, jil. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Wahidi, 'Ali ibn Ahmad. (t.t). *Asbab al-Nuzul*. Jil. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Zuhayli, Wahbah Mustafa. (1991). *al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*. Jil. 1, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir & Damsyiq: Dar al-Fikr.

Anis Malik Thoha. (2005). *Tren Pluralisme Agama: Tinjauan Kritis*. Jakarta: Perspektif Gema Insani.

Adnan Aslan. (1998). *Religious Pluralism in Christian and Islamic Philosophy: The Thought of John Hick and Seyyed Hossein Nasr*. Surrey: Curzon Press.

Budhy Munawar Rachman. (2010). *Argumen Islam Untuk Pluralisme Agama*. Jakarta: Kompas Gramedia.

Esposito, J. L. (1998). "Foreword" dlm al-Faruqi, Ismail R., *Islam and Other Faiths*, Atallah Siddiqui (ed.), Herndon: IIIT.

Esposito, J. L. (1986). "Teaching Islam The Old Fashioned Way - Living It" dlm *Islamic Horizons*. Special Issue August-September,

- Indianapolis: The Islamic Society of North America (ISNA).
- Fazlur Rahman. (1986). "Palestine and My Experiences with the Young al-Faruqi" dlm *Islamic Horizons*. Special Issue August-September. Indianapolis: ISNA.
- Hamka. (1984). *Tafsir al-Azhar*. Juz. 1, Jakarta: Yayasan Nurul Islam.
- Ibn 'Asyur, Muhammad ibn al-Tahir. (1997). *al-Tahrir wa al-Tanwir*, jil. 1, Tunis: Dar Suhnun.
- Ibn al-Jawzi, 'Abd al-Rahman ibn 'Ali ibn Muhammad. (1404). *Zad al-Masir min 'Ilm al-Tafsir*, jil. 1, cet. ke-3, Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Ibn Hazm, 'Ali ibn Ahmad ibn Sa'id. (1406). *al-Nasikh wa al-Mansukh fi al-Qur'an al-Karim*. Jil. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, Isma'il. (1993). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, cet. ke-7, Cairo: Dar al-Hadith.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram bin 'Ali bin Ahmad al-Ansari Muhammad. (1988). *Lisan al-'Arab*, jil. 6, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (t.t). *Madarij al-Salikin*. Juz. 1, Kaherah: Maktabah al-Mutanabbiyy.
- Jalaluddin Rahmat. (2006). *Islam dan Pluralisme: Ayat al-Qur'an Menyikapi Perbedaan*. Jakarta: Serambi.
- Mazlan Ibrahim & Achmad Yaman. (2010). *Penyelewengan Tafsir al-Qur'an: Kritikan Terhadap Buku Fiqih Lintas Agama*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti kebangsaan Malaysia (UKM).
- Mohamad Rosyidi Othman. (2009). "Sumbangan Ismail Raji al-Faruqi Dalam Dialog Antara Agama", *Disertasi Sarjana Usuluddin*, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM).
- Muhammad Shafiq. (1994). *Growth of Islamic Thought in North America: Focus on Ismail Raji al-Faruqi*. Maryland: Amana Publications.
- Otto, R. (1958). *The Idea of the Holy*. New York: Oxford University Press.
- Sayyid Qutb. (1980). *Fi Zilal al-Qur'an*. Jil. 2, Juz. 6, Beirut: Dar al-Syuruq.
- Syeikh Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Zuhairi Misrawi. (2007). *Al-Qur'an Kitab Toleransi: Inklusivisme, Pluralisme dan Multikulturalisme*. Jakarta: Khazanah dan P3M.